

Edaran gula seluruh Kelantan kini dikawal

KOTA BHARU, Selasa — Pengedaran gula di seluruh Kelantan kini diletakkan di bawah penguasaan dan pengendalian pihak berkuasa.

Di bawah penguasaan ini setiap pergerakan gula tertakluk kepada arahan pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian "supaya tidak berlaku penyelewengan".

Pengawal Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Cawangan Kelantan, Encik Hashim Abdullah, berkata langkah ini untuk menentukan keadaan kekurangan gula di Kelantan tidak bertambah runcing.

"Kami akan mengawasi dan mengawal segala pergerakan bekalan gula di semua peringkat dari pengilang hingga ke peruncit," katanya.

Pengawasan yang ketat ini berkuatkuasa 3 Jun, tetapi diumumkan hari ini setelah Kerajaan Negeri menghantar kawat kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian meminta jasa baik beliau mengatasi masalah kekurangan gula itu.

Dalam kawat itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yacob, juga meminta Datuk Seri Dr. Mahathir mengarahkan Keretapi Tanah Melayu (KTM) menambah gerabak mengangkut gula ke Kelantan.

Menyekat

Encik Hashim mengumumkan langkah-langkah kawalan ketat itu, termasuk menyekat kenderaan yang membawa gula ke kawasan sempadan Kelantan-Thai, terutama di Bukit Latar.

Bagaimanapun, jelasnya, pihaknya akan mengeluarkan surat kebenaran khas kepada kenderaan yang ingin membawa gula untuk keperluan penduduk tempatan di sempadan.

Bahagian penguatkuasa juga akan menentukan setiap kenderaan yang membawa gula seboleh-bolehnya diiringi oleh seorang pegawai penguatkuasa ke tempat-tempat tertentu.

"Mana-mana pengedar yang kenderaan mereka tidak diiringi kerana kekurangan kakitangan akan diminta membawa resit jualan tunai ke bahagian ini pada hari berikutnya untuk disemak," tambah Encik Hashim.

Di samping itu, kesemua 20 orang pengedar gula di negeri ini diarah melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasa sebaik sahaja menerima bekalan gula.

Katanya, sehingga semalam pengedaran gula secara teratur telah dibuat kesemua jajahan seluruh Kelantan.

Keperluan Negeri Kelantan ialah 40,000 hingga 45,000 kampakit sebulan — 10,000 kampakit dibawa secara tidak langsung dari Thailand.